

KERATAN AKHBAR

TARIKH : 11 APRIL 2022
AKHBAR : HAKAKAH
MUKA SURAT : 7

Petronas diumumkan sebagai syarikat terbaik

Petronas diumumkan sebagai syarikat terbaik

KUALA LUMPUR: Petronas terus menjadi syarikat terbaik dari tahun lepas dalam senarai Syarikat Terbaik LinkedIn 2022 di Malaysia, merupakan kedudukan tahunan yang kedua daripada 15 tempat kerja terbaik untuk mengembangkan kerjaya.

Ini diikuti oleh Maybank, Bosch, Permodalan Nasional Bhd (TNB) dan B. Braun Group.

Dalam kenyataan, LinkedIn berkata syarikat minyak dan gas negara yang bersepadu sepenuhnya itu, komited untuk meningkatkan kemahiran pekerjaannya supaya dapat menyesuaikan diri dengan

persekitaran perniagaan yang berubah dengan cepat.

Katanya daripada tujuh syarikat tempatan yang disenaraikan pada 2022, tiga adalah syarikat berkaitan kerajaan (GLC) dan satu syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLIC).

Ia adalah Petronas, Maybank, PNB dan TNB (nombor 11).

“Entiti kerajaan ini merupakan antara majikan terbesar di negara ini dan terus mengambil pekerja dari peringkat permulaan hingga ke jawatan kanan, selain menawarkan peluang latihan dan program pelatih,”

katanya.

Menawarkan senario kerja yang fleksibel, Maybank memperkenalkan persekitaran kerja hibrid yang membolehkan pekerja mempunyai akses ke ‘hot-desking’ dan bilik mesyuarat manakala PNB memulakan aturan kerja fleksibel yang baharu, membolehkan 1,750 pekerja bekerja dari rumah semasa pandemik.

Katanya melalui inisiatif global 4Diversity, B. Braun Group memberi tumpuan kepada meningkatkan kesedaran dan peluang untuk kemajuan kerjaya yang sama rata.